

# Putrajaya lokasi kekal: Pandangan berbeza

UM - 2 SEP 2003

Oleh  
NAZERI NONG SAMAH

**K**UALA LUMPUR 1 Sept. — Tokoh sejarah dan pemimpin muda membeberikan pendapat yang berbeza berhubung cadangan orang ramai supaya sambutan Hari Kebangsaan dikekalkan di Putrajaya.

Menurut mereka, sambutan Hari Kebangsaan ke-46 yang disambut di Putrajaya semalam adalah sebagai penghormatan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang akan bersara Oktober ini.

Tetapi kata mereka, selepas sambutan di Putrajaya itu ia perlu kembali ke Dataran Merdeka sebagai tempat sejarah sebenar detik kemerdekaan negara apabila bendera Union Jack diturunkan dan digantikan dengan bendera Jalur Gemilang pada tahun 1957.

Tokoh sejarah, **Profesor Datuk Dr. Khoo Kay Kim** berkata, Dataran Merdeka adalah tempat yang paling tepat untuk mengadakan sambutan Hari Kemerdekaan kerana ia mempunyai kesan nasionalisme dan nostalgia.

"Sambutan Hari Kemerdekaan di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur yang sentiasa diadakan dahulu tetap mempunyai nilai sejarah dan kebangkitan nasionalisme yang tersendiri," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Bagaimanapun perubahan lokasi sambutan Hari Kebangsaan peringkat kebangsaan itu adalah mengikut kehendak zaman kerana selera generasi baru tidak sama dengan generasi lama.

"Acara sambutan Hari Kebangsaan di

Dataran Merdeka tidak boleh diabaikan begitu sahaja, sekurang-kurangnya sambutan malam menunggu detik 31 Ogos bersama para pemimpin negara perlu diadakan di situ," katanya.

Tokoh sejarah dan penulis veteran, **Saiyed Ahmad Saiyed Abdullah** berkata, sekali sekala sambutan Hari Kebangsaan peringkat kebangsaan mungkin boleh diadakan di luar ibu negara.

## Merentap

"Misalnya satu ketika dulu kita pernah adakan sambutan Hari Kebangsaan peringkat kebangsaan di Kuching, Sarawak dan kali ke-46 ini pula diadakan di Putrajaya, tetapi secara kekalnya mesti diadakan di Dataran Merdeka," katanya.

Menurutnya, sebaik-baiknya sambutan Hari Kebangsaan itu perlu kekal di Dataran Merdeka sejajar dengan kedudukannya di ibu negara dan di situ juga terukir detik bersejarah menurunkan bendera penjajah Union Jack pada malam menjelang 31 Ogos 1957.

"Saya adalah salah seorang anak muda ketika itu sebagai Ketua Pergerakan Pemuda UMNO bahagian Pekan, Pahang yang merentap bendera Union Jack di Padang Kelab Selangor (Dataran Merdeka) dan keesokkan harinya perisytiharan kemerdekaan di Stadium Merdeka pada 31 Ogos 1957," katanya.

Saiyed Ahmad berkata, sambutan Hari Kebangsaan juga boleh diadakan di Stadium Merdeka, tetapi lebih sesuai di Dataran Merdeka kerana mempunyai ruang dan laluan jalan raya yang lebih luas untuk upacara perarakan.

Presiden Gabungan Pelajar Melayu Se-

menanjung (GPMS), **Datuk Suhaimi Ibrahim** pula berpendapat, beliau lebih setuju sambutan Hari Kebangsaan terus diadakan di Putrajaya sesuai dengan tarafnya sebagai pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

"Sambutan Hari Kebangsaan di Putrajaya dapat memberikan imej baru Malaysia di mata dunia dalam usaha untuk memperkenalkannya sebagai pusat pentadbiran negara di bandar bestari sambil memperlihatkan kualiti hidup dalam suasana mesra alam," katanya.

Menurut Suhaimi, tanpa mengabaikan nostalgia sejarah kemerdekaan negara, upacara pada sebelah malam bagi sambutan detik menjelang 31 Ogos bersama para pemimpin negara masih boleh diteruskan di Dataran Merdeka seperti amalan sekarang.

## Perubahan

Bekas Setiausaha Agung Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC), **Sheikh Badar Sheikh Embong** berkata, sambutan Hari Kebangsaan di Putrajaya lebih bermakna kerana ia telah berjaya membawa kepada perubahan baru bagi memartabatkan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan.

"Sebagai sebuah kawasan serba moden, Putrajaya bukan sahaja mampu untuk dijadikan tempat sambutan Hari Kebangsaan, malah ia berupaya menganjurkan aktiviti bertaraf dunia seperti sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) pada Oktober ini," katanya.